

Nama: Eunice Lim Xian Ni
Matric No: A20EC0034
UHS1022-75

Sila nyatakan point atau isi penting yang anda perolehi dari kuliah hari ini?

- Ahli falsafah Yunani dan Barat menghuraikan konsep insan adalah merujuk kepada akal dan pancaindera.
- Ahli falsafah Islam pula merujuk konsep insan kepada al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad.
- Semua insan atau manusia mempunyai akal dan fikiran tersendiri. Kita boleh membuat keputusan sendiri, sama ada konstruktif atau destruktif.
- Semua insan mempunyai peranan penting kepada masyarakat.
- Sebagai manusia, kita haruslah menjaga kesihatan kita dengan bersenam atau melakukan aktiviti fizikal kerana tubuh badan yang sihat mampu mengembangkan bakat teknikal, sosial, kecerdasan otak serta mengelakkan diri kita menghadapi penyakit kronik.
- Manusia harus menjaga emosi diri sendiri kerana emosi boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku kita.
- Kita turut harus rajin belajar agar dapat berkembang otak pemikiran kita.
- Agama amat penting kepada manusia kerana agama turut membina pemikiran, persefahaman serta tingkah laku kita.
- Pendidikan memainkan peranan mustahak dalam membentuk manusia sejahtera dari aspek psikologi dan sosial. Sebagai contoh, pihak sekolah memastikan semua pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.
- Kehidupan manusia adalah penuh dengan cabaran dan kita sememangnya bergantung kepada satu sama lain. Tiada manusia yang suka bersendirian.